

Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad

Political Thoughts: Leaders and Leadership in Shahnnon Ahamad Novel

ARBA'IE SUJUD, SALIHAHS RAZAK & SITI RABIATUL ADAWIAH JAFFAR

ABSTRAK

Makalah ini adalah untuk melihat pemikiran politik: pemimpin dan kepimpinan dalam novel Shahnnon Ahmad iaitu novel Shit, dan Patriarch. Makalah ini didasarkan kepada sikap pemimpin politik yang sering ditimbulkan oleh pengarang dalam karyanya yang dikaitkan dengan pengalaman beliau sendiri dalam dunia politik tanah air. Selain itu makalah ini juga ingin melihat sejauh mana kepincangan dalam dunia politik akibat daripada sikap pemimpin kerana karya yang dihasilkan oleh beliau kebanyakannya melihat permasalahan dalam dunia politik yang dikaitkan dengan pengalaman beliau sendiri yang pernah terlibat dalam politik di tanah air dengan mengemukakannya dalam bentuk karya kreatif. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran politik pemimpin dan kepimpinan yang terdapat dalam novel-novel Shahnnon Ahmad. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kepustakaan, menganalisis kandungan teks dan pengaplikasian teori Konseptual Kata Kunci bagi menguatkan lagi hujah yang ingin disampaikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pemikiran politik dalam novel Shahnnon Ahmad iaitu pemikiran politik tentang pemimpin dan kepimpinan yang melihat kepada sikap pemimpin yang berperwatakan negatif dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Rumusan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua buah novel Shahnnon Ahmad mempunyai pemikiran politik pemimpin dan kepimpinan berdasarkan analisis teori Konseptual Kata Kunci.

Kata kunci: Politik; pemimpin dan kepimpinan; kepincangan; sikap negative; teori konseptual kata kunci

ABSTRACT

This article examines the political thinking of leader and leadership in Shahnnon Ahmad's novels such as Shit and Patriarch. This study is based on the attitude of political leaders which is portrayed in the works of the author in relation to his own experience in the local's political sphere. This article also seeks to observe onto what extend the politics is flawed due to the leaders' attitude since most of the author's works have highlighted political problems he had experienced himself by displaying the problems through the work of literature. The focus of this study is to identify and to analyse the political thinking of the leaders and their leadership in Shahnnon Ahmad's novels. The methods involved are library research and content analysis, and through the application of Keywords-conceptual Theory to strengthen the points put forth. The result shows the presence of political thinking in Shahnnon Ahmad's novels; political thinking about leaders and leadership that illustrated the leaders' negative attitudes in performing their official duties. The summary from this study reveals that both Shahnnon Ahmad's novels contain political thinking of leaders and leadership based on the analysis of the key words-conceptual theory.

Keywords: Politics; leader and leadership; flaw; negative attitude; key words-conceptual theory

PENGENALAN

Sastera dan politik mempunyai perkaitan yang rapat dalam menterjemahkan isu politik dalam bentuk karya kreatif. Penggemar novel terdiri daripada segenap lapisan masyarakat sejak dahulu hingga kini. Kemajuan masyarakat dan negara dari semasa ke semasa banyak melahirkan novel yang bermutu berlandaskan keunggulan intelektual pengarang. Hal ini juga dapat diperhatikan menerusi kemunculan penulis-penulis muda yang mewarnai dunia penulisan sastera dengan pelbagai isu dan

cerita yang dibangkitkan mengikut arus peredaran zaman dan salah satunya adalah berkaitan dengan pemikiran politik. Hal ini menjadikan karya novel lebih menarik dan fleksibel untuk tatapan khalayak pembaca. Hakikat ini menjelaskan bahawa genre novel adalah salah satu wadah bagi pengarang untuk mengungkapkan permasalahan politik tanah air khususnya, sama ada secara keseluruhan mahupun secara sampingan di samping genre-genre yang lain.

Menurut Jeniri Amir (2005: vii), sastera dan politik walaupun merupakan dua disiplin ilmu yang berbeza, namun tetap mempunyai perkaitan

yang amat rapat. Novelis sebagai sebahagian anggota masyarakat tidak dapat memisahkan diri daripada dunia politik, serta segala perkembangan politik yang berlaku di sekitarnya. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada karya Shahnnon Ahmad sebagai rujukan utama. Dalam hal ini, adalah relevan untuk kajian ini memberikan tumpuan terhadap soal politik melalui karya Shahnnon Ahmad agar dapat dihayati oleh khalayak pembaca dengan status Shahnnon Ahmad sebagai penulis novel politik tanah air. Melalui karya-karyanya, penulis mengungkapkan hal-hal yang berkaitan dengan isu politik secara satira yang berunsur humor, lucu, dan sinis dalam mengungkapkan buah fikirannya.

Kajian dan pemilihan tokoh ini dijalankan adalah disebabkan oleh nama Shahnnon Ahmad sendiri yang begitu sinonim dengan dunia politik berdasarkan latar belakangnya yang pernah bertanding dalam pilihan raya umum dan secara tidak langsung melibatkan diri dalam dunia politik tanah air. Pengarang menyampaikan buah fikiran di dalam bentuk penulisan itu berlandaskan pengalaman sendiri, dan begitulah dengan Shahnnon Ahmad. Hal ini menjadikan khalayak pembaca dapat meneliti tentang realiti dunia politik tanah air melalui karyanya yang diungkapkan dengan penuh keberanian dan kebenaran kerana beliau sendiri yang turut terlibat dalam dunia politik tanah air.

Beliau yang juga merupakan novelis politik tanah air banyak menimbulkan gerakan sastra politik yang begitu komited dengan menzahirkan setiap aturan politik yang digambarkan secara zahir mahupun abstrak. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti pemikiran politik yang memfokuskan kepada aspek pemimpin dan kepimpinan yang terdapat dalam novel Shahnnon Ahmad dan menganalisisnya dengan mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci. Oleh itu, wajar dilihat karya Shahnnon Ahmad dalam membincangkan aspek politik pemimpin dan kepimpinan ini berdasarkan teks-teks pilihan iaitu *Shit*, dan *Patriarch* yang mengikut kesesuaian dan keseragaman menerusi perkara yang ditanggapi sarat dan padat dengan aspek politik yang akan diterokai sepenuhnya bagi mendapatkan hasil yang dapat memberi makna kepada masyarakat sekitarnya.

METODOLOGI KAJIAN DAN LANDASAN TEORI

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan yang merujuk kepada analisis kandungan, iaitu novel *Shit* dan *Patriarch* karya

Shahnnon Ahmad. Teori yang digunakan sebagai landasan kajian ialah teori Konseptual Kata Kunci. Menurut Abdul Halim Ali (2006: 102), teori Konseptual Kata Kunci yang dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005), pensyarah Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya sebagai praktis kritikan sastra. Gagasan awal idea kepada teori ini buat pertama kali dibentangkan pada Seminar Teori dan Kritikan Melayu Serantau pada 24-26 September 2001 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur bertempat di Hotel Park Royal. Tidak seperti teori-teori yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh, Shafie Abu Bakar, dan Mohd Affandi Hassan, teori Konseptual Kata Kunci tidak berpaut kepada mana-mana sifat jati diri Melayu dan Islam.

Menurut Mokhtar Hassan dalam Abdul Halim Ali et al. (2012: 170) falsafah teori Konseptual Kata Kunci bahawa seseorang pengarang mempunyai konsepsinya yang tersendiri terhadap sesuatu isu, hal, perkara atau objek. Konsepsi seseorang pengarang itu bukan sahaja dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan, pekerjaan, masyarakat, kepercayaan, ideologi, pertubuhan yang diperjuangkan oleh pengarang itu dan sebagainya tetapi juga berkemungkinan berubah dengan berlakunya peredaran umur, masa dan zaman. Dalam melihat konsepsi seseorang pengarang itu, dapat diteliti daripada kata-kata yang digunakan dalam karya. Kata-kata yang ditemui dalam karya atau beberapa karya pengarang itu dinamakan sebagai kata kunci. Teori ini mengandungi tiga prinsip iaitu kepengaruhan, pemilihan kata, dan kesan.

Prinsip kepengaruhan berhubung dengan pengarang. Dalam prinsip ini, seperti mana yang dinyatakan di atas, konsepsi seseorang pengarang terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek, atau sebagainya sedikit sebanyak dipengaruhi oleh latar belakang pengarang termasuk keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi, politik, pertubuhan yang diperjuangkan dan sebagainya. Faktor umur, masa dan peredaran zaman juga sedikit sebanyak memainkan peranan dalam menentukan konsepsi seseorang pengarang. Faktor-faktor ini juga turut menentukan penerusan atau perubahan konsepsi seseorang pengarang itu (Mohamad Mokhtar Hassan 2005:83-84).

Seterusnya, prinsip kedua iaitu prinsip pemilihan kata atau diksi. Prinsip ini berhubung dengan karya sastra. Dalam prinsip ini, pengarang akan menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsinya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek, dan sebagainya. Kata-kata itu bagi sesuatu konsep

itu akan sentiasa melingkari minda seseorang pengarang itu (Mohamad Mokhtar Hassan 2005:85).

Prinsip yang ketiga adalah kesan. Seseorang pengarang secara sedar atau tidak sedar akan mengemukakan konsepnya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek, dan sebagainya melalui karya-karyanya dengan pemilihan kata yang digunakan. Konsepsi seseorang pengarang terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek, dan sebagainya dapat dirasai oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya atau karya-karya yang dibaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan oleh pengarang (Mohamad Mokhtar Hassan 2005:89).

Metodologi kajian yang diterapkan ini bertujuan untuk menguatkan lagi hujah yang dikemukakan yang bersesuaian dengan hasil perbincangan yang akan dijalankan nanti. Setiap kaedah yang digunakan ini mempunyai peranannya dalam mendapatkan maklumat, mengemukakan contoh-contoh, serta menguatkan maklumat dan contoh-contoh yang dikemukakan. Justeru, metodologi kajian ini penting dalam memastikan kajian ini berjalan dengan lancar.

PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN

Pemimpin politik merupakan watak penting dalam menggerakkan cerita berunsur politik mengikut kesesuaiannya. Pemimpin politik itu mempunyai peranan dan tanggungjawab yang tertentu dalam menggerakkan sesebuah organisasi. Mereka inilah penguasa negara yang akan menjadi ketua dalam perjuangan parti, hala tuju masyarakat dan negara. Sekiranya pemimpin itu menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan, sesebuah perjuangan atau organisasi itu akan maju dan makmur tanpa sebarang masalah. Begitulah sebaliknya sekiranya pemimpin politik itu bersikap negatif, pimpinan yang dijalankan itu tidak akan berada pada kedudukan yang sepatutnya yakni berlaku permainan politik yang berunsur negatif. Pemimpin politik ini merupakan individu utama dalam aspek pemerintahan. Berjaya atau tidak sesebuah organisasi itu adalah bermula daripada sikap dan tanggungjawab pemimpin politik dalam menggerakkan pemerintahan yang diamanahkan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat yang dipimpinya.

Menurut Jeniri Amir (2005:83), pemimpin ialah orang yang berupaya mempengaruhi orang lain mengikut kehendak dan arahnya, secara sukarela kerana kepemimpinannya atau kelebihannya dari segi daya kecendekiaan, ilmu, kemahiran,

pengalaman atau tarikan keperibadiannya sehingga ada yang dikategorikan sebagai bersifat karismatik. Selain itu, menurut Ahmad Suhelmi (1999:78), penguasa negara adalah seorang pembela dan penjaga keadilan (*custodian of justice*). Keadilan memiliki makna hakiki bagi keabsahan kekuasaan penguasa, kerana tujuan Tuhan menganugerahkan kekuasaan adalah agar ia mewujudkan keadilan di dunia ini. Dengan adanya keadilan akan tercipta perdamaian. Untuk menjadi pembela keadilan itu, penguasa diberikan hak menetapkan hukum. Penguasa menjadi legislator yang mengatur komunitas politik (*gubernante civitatis*). Hukum yang dirumuskan penguasa harus berdasarkan prinsip-prinsip hukum kudrat (*natural law*) dan tidak boleh bertentangan dengan hukum abadi Tuhan.

Melalui novel *Shit*, PukiMak atau PM merupakan pemimpin politik yang mempunyai sikap negatif. PM tidak menunjukkan sifat-sifat positif yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin. Dia digambarkan sebagai ketua yang mempunyai kuasa yang dominan tanpa sesiapa yang berani bersuara. Hal ini dapat dilihat melalui pelukisan watak yang digambarkan oleh pengarang Shahnnon Ahmad (1999) dalam novel *Shit*.

Nama ku sebenarnya bukan Shit. Juga bukan PukiMak. Kedua-duanya adalah nama marga ku, entah dari mana marga ku itu, aku sendiri kurang teliti sejarahnya. Tahu-tahu aku sudah wujud dan dipanggil Shit dan mempunyai sejarah kewujudan yang agak panjang. Kewujudan entah bagaimana, ahli sejarah menggelar ku sebagai PukiMak. Tentu saja panggilan itu bernada jerkahan dalam perasaan panas baran tapi aku tidak ambil kisah sangat. Dalam seruan kemarahan itulah aku terkenal dengan nama julukan Shit! Aku terkenal dengan nama julukan PukiMak! Lebih terkenal lagi dengan nama kependekan nama jilikan PM!

(Shahnnon Ahmad 1999: 31)

Jika diperhatikan, petikan di atas menunjukkan kepada pengenalan watak pemimpin dalam novel *Shit*. Menerusi pengenalan ini telah dilihat bagaimana pengarang membuat imbasan awal sikap pemimpin melalui pengenalan namanya. Nama yang diperkenalkan itu sudah menggambarkan watak negatif yang dimainkan oleh pemimpin dalam novel tersebut.

Begitu juga yang dapat dilihat melalui novel *Patriarch*. Novel ini mengisahkan tentang seorang pemimpin yang bernama Jasadiah yang diberi julukan nama Patriarch oleh rakyat-rakyat dan wakil pemimpin yang menyokong pemilihan beliau sebagai ketua pemimpin pada awal kemunculannya

sebagai pemimpin di tampuk pemerintahan. Walau bagaimanapun, Patriarch akhirnya melupakan janjinya kepada rakyat dan menjadi seorang pemimpin yang kejam dan zalim demi melaksanakan agendanya yang tersendiri. Kebaikan dan kemuliaan yang ditunjukkan pada awal pemilihannya adalah suatu keputeraan demi memenangi hati rakyat.

...Patriarch itu berkuku besi, darahnya berminyak dan boleh membakar sesiapa saja. Mulutnya bisa seperti racun. Tangannya dibuat daripada besi kursani yang boleh mematahkan tulang Wak Da. Kakinya juga daripada besi kursani yang boleh memijak tubuh Wak Da sampai lumat. Patriarch itu bukan manusia, Wak. Bukan. Patriarch itu besi. Patriarch itu benda yang diperbuat daripada besi yang tak boleh patah. Tak boleh diliuk. Tak boleh dimakan dan dimusnahkan oleh sesiapa kerana dia besi...

(Shahnon Ahmad 1995:141-142)

PEMIMPIN YANG MEMENTINGKAN KUASA

Kuasa membawa erti tentang kemampuan individu dan sesuatu kelompok untuk mempengaruhi tingkah laku individu yang lain bersesuaian dengan situasi tertentu. Memiliki kuasa ini memberi peluang kepada individu memaksa individu yang lain melakukan sesuatu perkara mengikut kehendak masing-masing meskipun bertentangan dengan kemahuan individu yang lain. Politik merupakan salah satu ideologi yang boleh menguasai segala aspek kehidupan manusia yang dapat digerakkan melalui kuasa yang dimiliki oleh seseorang pemimpin. Justeru, individu itu akan berusaha dengan sedaya upaya untuk mendapatkan kuasa, mengukuhkan kekuasaan, dan menambahkan kuasa tersebut bagi meletakkan diri pada hierarki yang tertinggi. Hal yang sedemikian boleh menyebabkan individu yang mempunyai kuasa merasakan dirinya mempunyai peranan penting dalam masyarakat sehingga boleh menyebabkan mereka lupa diri dan lupa daratan setelah mendapat kuasa yang diinginkan.

Mengikut S. Ahmad Hussein et al. (1993: 30), kuasa politik secara umumnya boleh didefinisi sebagai keupayaan mempengaruhi tingkah laku orang lain melalui bentuk sekatan yang tertentu. Sekatan mungkin berbentuk paksaan ataupun pujukan. Kuasa boleh disokong oleh ganjaran atau hukuman dan boleh digunakan dalam bentuk yang positif dan yang negatif. Oleh itu, pemimpin politik boleh mendapatkan kepatuhan pada keinginan mereka dengan menjanjikan kekayaan atau penghormatan kepada para penyokong mereka atau

mereka boleh mengugut untuk menafikan ganjaran yang sedemikian kepada penentang. Kebanyakan pengguna kuasa politik merangkumi kedua-dua unsur ini.

Menurut K. Ramanathan Kalimuthu (1987: 81-82) pula, kuasa penting untuk pemimpin mencapai matlamat dan kehendaknya, mendapatkan sokongan pengikut, supaya orang lain menaruh keyakinan dan kepercayaan, dan sebagai lambang kemegahan dan kekuatan. Dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti di Malaysia, kuasa diperoleh melalui pertandingan dalam parti ataupun bagi wakil rakyat melalui pilihan raya. Sebelum dipilih, calon perlu menampilkan ciri-ciri dan sifat-sifat kepimpinan yang dapat mempengaruhi rakyat.

Titeliti berdasarkan novel *Shit*, watak PukiMak atau PM mempunyai tanggungjawab kepada pengikut di bawahnya sama ada golongan pemimpin bawahan dan juga rakyat biasa. Kuasa utama dimainkan oleh watak PM ini iaitu sebagai ketua negara. PM bagaikan tidak mahu bercakap mengenai kekuasaan dengan sesiapa pun kerana dia merasakan dirinya sahaja yang berhak memegang kekuasaan itu. Oleh itu, PM sanggup melakukan apa sahaja asalkan dapat mempertahankan kekuasaannya. Dengan adanya kuasa, PM dapat memerintah mengikut kemahuannya tanpa mengendahkan kepentingan pihak lain terutamanya rakyat di bawah pimpinannya yang dapat dilihat menerusi novel *Shit*.

...PM boleh mencurahkan seberapa banyak kekenyangan kepada ketulan sesiapa saja tapi bukan menyerah kekuasaan. Malah setitik kekuasaan pun tak akan dimiliki bersama. PM tidak dapat berbincang aspek kuasa itu. PM tidak nampak dan tidak terasa bahawa ketulan lain boleh dan berhak dalam bidang memiliki kuasa ini...

(Shahnon Ahmad 1999:158)

Watak PM dalam novel ini begitu mementingkan kuasa yang dimiliki sehingga tidak mengendahkan perkara yang berlaku asalkan kuasanya dapat dipertahankan. Baginya, tiada siapa dan apa yang dapat menandingi kekuasaan yang dimilikinya. Kuasanya harus sentiasa agung agar dapat memenuhi kehendak hatinya dan bukannya untuk berkhidmat kepada rakyat. PM tetap mempertahankan dirinya bagi memegang kekuasaan yang dimiliki dan dia tidak akan bertolak ansur dan bertoleransi mengenai isu kekuasaan ini kerana baginya, dialah yang berkuasa dan tetap akan memegang kuasa dalam tampuk pemerintahan itu.

Menerusi novel *Patriarch*, Shahnon Ahmad (1995) turut melemparkan pemikirannya mengenai pemimpin yang gila kuasa. Watak Patriarch

diwujudkan dengan perwatakan yang mulia dan mendapat sokongan rakyat pada permulaan pemilihannya sebagai ketua negara. Walau bagaimanapun, Patriarch akhirnya mementingkan dirinya sahaja setelah memiliki kekuasaan dalam pemerintahan. Dia menganggap bahawa tiada sesiapa pun yang mampu menghalang kekuasaannya itu sehinggalah berlaku penyelewengan dalam pemerintahannya.

...Sering benar bahawa kekuasaan itu bersemarak dalam dirinya semenjak kebelakangan ini kerana dia tahu tak ada siapa lagi yang berdaya melenyapkannya kekuasaan itu daripadanya. Dan ini termasuk juga Tuhan.

(Shahnon Ahmad 1995:182)

Patriarch sudah memikirkan sesuatu yang berada di luar kelaziman sebagai pemimpin yang beragama Islam. Walau sehebat mana pun seseorang manusia, dia tetap insan yang lemah dan kerdil di sisi Tuhannya. Kuasa yang dimiliki oleh manusia tidak dapat menandingi kekuasaan Yang Maha Esa yang meliputi seluruh alam semesta. Oleh itu, sebagai umat Islam Patriarch tidak sepatutnya berfikiran sedemikian kerana kuasa yang dimilikinya itu boleh ditarik oleh Allah s.w.t. dalam sekelip mata. Shahnon Ahmad menampilkan pemikiran sedemikian bagi renungan kita sebagai pembaca dan teladan kepada manusia yang bergelar pemimpin bahawa kuasa tidak akan membawa apa-apa makna dalam kehidupan manusia selagi kuasa yang dimiliki itu disalahgunakan. Oleh itu, sebagai seorang pemimpin, kuasa adalah suatu amanat yang diamanahkan untuk pemimpin menjalankan kuasa yang dimiliki di jalan yang bagi mendapat kesenangan bersama dan bukannya untuk pemimpin sahaja kerana kuasa yang dimiliki itu juga adalah hasil daripada persetujuan rakyat.

Prinsip pertama yakni kepengaruhan dalam teori Konseptual Kata Kunci dilihat apabila Shahnon Ahmad menjadikan novel sebagai wadah untuk mengungkapkan fikiran dan pendiriannya tentang politik, kuasa, penyalahgunaan kuasa, dan kepimpinan. Dalam membicarakan politik, beliau amat peka terhadap perkembangan dan pergolakan politik dalam masyarakat dan negara. Melalui petikan novel-novel yang dikemukakan, prinsip kedua dalam teori Konseptual Kata Kunci digunakan bagi menguatkan lagi hasil perbincangan yang dikemukakan. Justeru, terdapat kata kunci seperti 'kekenyangan', 'kekuasaan', 'bukan menyerah', dan 'melenyapkan' yang merujuk kepada kekuasaan dalam politik. Hal ini bersesuaian dengan prinsip kedua dalam teori Konseptual

Kata Kunci iaitu pemilihan kata. Pemilihan kata berkenaan bersesuaian dengan pemikiran yang dikemukakan iaitu berkenaan pemikiran politik dalam novel.

Berlandaskan kepada hasil yang dikemukakan, jelaslah diperlihatkan pemikiran kekuasaan Shahnon Ahmad dalam novel yang dikarangnya. Pemikiran ini dipertontonkan kepada khalayak pembaca agar pembaca itu dapat berfikir tentang status diri terutamanya golongan pemimpin yang mementingkan aspek kekuasaan dalam sesebuah organisasi dengan sanggup melakukan apa sahaja asalkan dapat mempertahankan kekuasaan yang dimiliki walhal sanggup menindas golongan yang lemah. Hal ini memberi kita penegasan bahawa kekuasaan yang disalahgunakan akan merosakkan sesuatu bangsa, malah agama dan juga negara. Hal ini demikian kerana kuasa tidak akan menjamin kebahagiaan kepada sesuatu individu atau kelompok sekiranya disalahgunakan. Justeru, kekuasaan itu juga penting asalkan digunakan dengan jalan yang betul dan bermanfaat kepada diri dan orang lain.

PEMIMPIN YANG MEMENTINGKAN DIRI

Sebagai pemimpin, mereka mempunyai tanggungjawab kepada rakyat yang dipimpinnya. Mereka mempunyai peranan dan harus menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada diri mereka. Sebagai pemimpin juga, mereka harus membangunkan negara yang dipimpinnya dengan melaksanakan dasar-dasar negara dan bukannya mementingkan diri mereka sahaja. Sikap mementingkan diri ini akan menjadikan rakyat merasa tidak selesa dengan pemimpin mereka sendiri sedangkan pemimpin perlu sentiasa dekat dengan rakyat di bawah pimpinannya. Setelah mereka dipilih sebagai ketua pemimpin dalam tampuk pemerintahan, mereka harus sedar bahawa setiap langkah yang diatur diperhatikan oleh rakyat. Oleh itu, pemimpin harus mempunyai sikap yang baik bersesuaian dengan status dirinya sebagai pemimpin.

Menurut K. Ramanathan dalam Y. Mansoor Merican (1982:101), tidak seorang pun akan dibenarkan mementingkan dirinya sendiri dan mengejar matlamat yang berlainan tanpa memikirkan akibatnya ke atas orang lain. PM bersikap mementingkan diri dalam melakukan setiap perkara. PM juga sanggup mengeluarkan pemimpin bawahan yang dirasakan cuba merampas kekuasaannya dengan kejam bagi menjaga kepentingannya tersendiri. Pengarang Shahnon

Ahmad menggambarkan PM dalam novel *Shit* sebagai pengarang yang sudah tua dan nyanyuk tetapi masih lagi ingin memerintah tanpa mahu menyerahkan tugas itu kepada orang lain. Hal ini menunjukkan bahawa PM ini digambarkan sebagai watak yang mementingkan diri demi mendapatkan kesenangan peribadi.

...PM tahu yang mana satu anggukan yang sah, yang mana satu anggukan yang palsu. Kelak bila tiba masanya PM akan menentukan ajal dan tuah mereka. Dia akan membuat keputusan dengan mendadak dan benar-benar di luar duga supaya tidak siapa lagi yang berani bersuara meminta PM keluar melalui lubang keramat itu.

(Shahnon Ahmad 1999:38)

Berdasarkan petikan, PM akan melakukan sesuatu tindakan luar duga sekiranya merasakan kedudukannya terancam. PM tidak akan menghiraukan keadaan sekeliling bagi mengekalkan dirinya sebagai ketua di tampuk pemerintahan dalam arena politik tersebut. Shahnon Ahmad (1999) melukiskan watak PM yang mementingkan dirinya sehingga boleh mendiamkan orang di sekeliling bagi menjaga kepentingannya.

Namun aku tak akan keluar melalui lubang keramat ini, bisik PM. Aku akan tetap berkuasa mengepalai sistem pemerintahan politik taik ini sampai bila-bila, sampai kepala taik ini tak terpengang lagi, sampai kepala taik ini tak bermaya lagi. Itu pun, nama kata aku sendiri hendak keluar melalui lubang keramat itu, sumpah tidak...

(Shahnon Ahmad 1999:55)

Manusia tidak akan pernah merasa puas dengan apa yang dimiliki. Begitu juga dengan watak Patriarch dalam novel *Patriarch* yang dihasilkan oleh Shahnon Ahmad ini. Demi kepentingannya, dia sanggup membiarkan kaum keluarganya membolot harta rakyat. Hal ini menunjukkan bahawa Patriarch seorang yang zalim dengan berkepentingan sendiri sehingga sanggup membiarkan rakyat menderita di atas sikap tidak berperikemanusiaan itu.

...Dia bagaikan tidak mengenal kemanusiaan sepanjang waktu. Dia bagaikan tidak mengenal budi dan maruah sepanjang ketika itu. Dan dia benar-benar membiarkan Hamidah membolot segala, membiarkan kaum kerabatnya membolot segala. Dia benar-benar membiarkan rakyat menderita dan terus menderita...

(Shahnon Ahmad 1995:157)

Hamidah merupakan isteri kepada Patriarch. Walau bagaimanapun, Patriarch yang akhirnya berubah menjadi seorang pemimpin yang kejam dan zalim terhadap rakyat sanggup membiarkan orang yang berhampiran dengannya memperoleh

kesenangan di atas penderitaan rakyat. Pengarang cuba menyampaikan sikap Patriarch yang mementingkan dirinya sendiri sahaja tanpa menghiraukan nasib rakyat yang tidak terbela dengan kesenangan yang dimiliki oleh kaum kerabatnya adalah berdasarkan hak rakyat tanpa memikirkan keadaan yang sebenar.

Menurut Jeniri Amir (2010: 87), pemimpin harus bersikap bertanggungjawab dalam menjalankan amanah yang terletak di bahu mereka. Masyarakat Melayu akan terus terpinggir jika pemimpin hanya mementingkan diri sendiri. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan ini, jelas menunjukkan bahawa sikap mementingkan diri yang ditunjukkan oleh pemimpin akan menyebabkan masyarakat yang dipimpinya tidak akan maju dalam meletakkan negara di puncak kegemilangan dengan keamanan yang dipegang.

Berdasarkan pemikiran yang dikemukakan, prinsip ketiga iaitu kesan dalam teori Konseptual Kata Kunci dapat dikenal pasti dalam perbincangan ini. Melalui prinsip ini, hal ini dapat memberi kesan kepada khalayak pembaca tentang sikap mementingkan diri yang tidak sepatutnya diamalkan terutamanya dalam kalangan pemimpin. Sikap mementingkan diri ini hanya akan merugikan diri sendiri sahaja dan boleh menindas golongan lain. Hal ini dapat memberi kesan positif dalam diri masyarakat bahawa sikap mementingkan diri terutamanya menerusi aspek kepimpinan akan mengundang permasalahan yang menjatuhkan diri sendiri. Penyampaian yang disampaikan oleh Shahnon Ahmad ni bersesuaian dengan teori yang dikemukakan oleh Mohammad Mokhtar Hassan ini.

PEMIMPIN YANG MEMBELAKANGKAN SOAL AGAMA

Seperti yang telah diketahui umum, agama memainkan peranan penting terhadap manusia sebagai petunjuk di dalam kehidupan kita. Setiap bangsa di dunia mempunyai anutan agama masing-masing. Menurut Mohd Nakhaie (1998: 30) terdapat pelbagai agama dalam masyarakat manusia di sepanjang zaman. Mulai daripada masyarakat primitif sehinggalah masyarakat termoden di dunia hingga ke hari ini. Sama ada agama dari langit atau agama yang dicipta sendiri oleh manusia. Tiap-tiap agama telah mengajar penganutnya supaya melakukan kebaikan agar mendatangkan faedah kepada penganutnya. Oleh itu, agama Islam dapat membentuk penganutnya untuk menjadi insan yang

mulia di dunia dan di akhirat sebagaimana yang dinyatakan oleh Faisal bin Haji Othman (1991: 118) bahawa Islam ialah satu-satunya agama yang memandang manusia dan alam semesta dengan pandangan yang positif dan afirmatif. Menurut Islam manusia ialah satu-satunya makhluk dan hamba Allah yang diberikan status yang paling tinggi sekali, iaitu sebagai khalifah Allah. Di atas muka bumi. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa pandangan hidup Islam memberikan status yang paling tinggi kepada manusia.

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2008: 143) satu aspek penting yang menjadi penanda jati diri masyarakat ialah agama. Agama merupakan suatu pegangan yang harus dimiliki oleh setiap individu kerana tanpa agama, seseorang itu akan terpesong jauh dari landasan yang sebenar. Begitulah pemikiran yang diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad dengan memaparkan cerita mengenai bagaimana sikap pemimpin yang membelakangkan soal agama iaitu agama Islam.

Dalam novel *Shit*, PM merupakan pemimpin yang beragama Islam. Sebagai insan yang beragama Islam, banyak nilai-nilai murni yang diterapkan dalam ajaran Islam tetapi telah dipandang rendah oleh PM. PM sanggup melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam demi menjaga kepentingannya seperti tidak bertanggungjawab, menindas rakyat, tidak amanah dengan hak rakyat, dan mementingkan kuasa. Pengarang memasukkan unsur ini agar menjadi teladan kepada pemimpin di luar sana agar meletakkan agama di tangga teratas dalam sistem pemerintahan terutamanya bagi pemimpin yang beragama Islam. Perkara negatif berikut tidak seharusnya berlaku dalam masyarakat dan negara kita kerana ini akan menunjukkan sifat yang tidak baik kepada generasi pemimpin yang akan datang.

...Penolakan rakyat atau parti politik terhadap pemimpin yang memiliki kes skandal seks dengan mana-mana wanita menunjukkan masyarakat Melayu masih tetap menghargai nilai-nilai moral dan keagamaan. Mereka menghendaki setiap pemimpinnya bermoral baik dan sewajarnya menjadi contoh teladan kepada rakyat.

(Talib Samat 2010: 144)

Agama Islam merupakan agama rasmi negara. Justeru, menurut Mohd Jamil Mukmin, (1992: 323), dalam Perlembagaan Malaysia Bab 1 Fasal 3 Ceraian (1) yang telah dipinda pada 1hb Mac 1964 ada mentintakan demikian:-

"Islam is the religion of the Federation; but other religion can be practiced in peace and harmony in any part of the Federation".

(Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh juga diamalkan dalam aman dan damai di mana-mana bahagian dalam Persekutuan).

Sebelum ini pun dalam Penyata Suruhanjaya Reid iaitu badan yang bertanggungjawab menggubal Perlembagaan Malaysia itu, telah menentukan kedudukan agama Islam sebagai agama yang sewajarnya diberi tempat yang mulia di Persekutuan Tanah Melayu.

Oleh itu, tampuk pemerintahan yang dipimpin haruslah berlandaskan kepada agama Islam dengan mengikut syarat dan syariatnya. Islam mengajar umatnya supaya menjaga peribadi agar dihormati oleh individu yang lain. Begitu juga dengan seseorang pemimpin yang harus menjaga tingkah laku mengikut ajaran Islam agar tidak terpesong dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Sekiranya pemimpin yang beragama Islam tidak memimpin mengikut syarat yang ditetapkan, mereka akan terpesong dari landasan dan cara pimpinan itu akan lari dari keadaan yang sebenar,

PM tidak akan bernesra dengan sistem akaliah atau sistem aqliah yang berpaksikan cahaya itu kerana PM tidak pernah yakin dengan sistem itu. Tak pernah pun PM memikirkan tentang kewujudan cahaya seumpama itu. Sejarahnya dan sejarah asal usulnya memang bergelumang dengan taik yang busuk dan membusukkan. PM hanya megah dengan kebusukan. Ahli sejarah pun pernah menegaskan bahawa warisan warga PukiMak itu pun memang bertonggakkkan kebusukan taik juga...-

(Shahnnon Ahmad 1999:74)

PM digambarkan hanya mementingkan 'kebusukan'. Kebusukan di sini adalah seperti "busuk hapa, busuk akal, dan busuk jiwa, 'Kebusukan' telah menguasai hidup PM dan ini menjadikan dirinya sudah tidak dapat melihat kebaikan dalam menjalankan kerja yang diamanahkan. Ajaran Islam sudah dikebelakangkan ketika nafsu menguasai diri. PM sudah tidak melihat nilai agama dalam sistem pemerintahannya demi memenuhi hasrat hati yang inginkan kepuasan dalam kehidupan di dunia yang tidak menjanjikan apa-apa. Pemerintahan yang dijalankan itu sudah tidak merujuk kepada akal yang waras tetapi mengikut nafsu semata-mata. Shahnnon Ahmad turut menggambarkan watak PM yang tidak mengambil kisah tentang nilai keislaman dalam pemerintahannya kerana sistem pemerintahan yang diamalkan adalah berlandaskan sifat 'kebusukan' dalam politik yang busuk yang diamalkan oleh dirinya.

Menerusi novel *Patriarch* juga, Shahnnon Ahmad turut memperlihatkan pemikiran mengenai

agama yang dikebelakangkan dalam pemerintahan yang dijalankan. Watak Patriarch iaitu pemimpin yang dijadikan ketua berdasarkan pemilihan oleh rakyat. Perkara yang perlu dilakukan oleh seorang yang beragama Islam telah dilupakan setelah dirinya berada di kedudukan yang selesa.

... Bisikan kalbunya tidak pernah terganggu lagi seperti yang dulu-dulu sewaktu dia mula-mula diamanahkan jawatan *Patriarch* dan rajin pula sujud atas sejadah memperhambakan diri kepada Allah. Kini kesujudan itu telah lama dipinggirkan kerana dirasakan sudah tidak perlu lagi dia berbuat demikian...

(Shahnon Ahmad 1995:157)

Patriarch pada suatu ketika dahulu masih menerapkan nilai-nilai keislaman dalam dirinya dan menunaikan rukun Islam yang kedua iaitu menunaikan solat. Walau bagaimanapun, setelah memegang tampuk pemerintahan sebagai ketua, Patriarch sudah melupakan solat dan merasakan solat itu sudah tidak diperlukan kerana dia sudah mendapat kekuasaan yang maha tinggi baginya. Hal ini telah menunjukkan bahawa sikap sebegini akan menjadikannya seorang pemimpin yang telah lari daripada nas-nas seorang yang beragama Islam kerana mereka yang beragama Islam haruslah menunaikan solat walau setinggi mana kuasa yang dimilikinya kerana kuasa yang sebenar terletak pada Allah Yang Maha Esa.

Menurut Zulkefle Dollah (2007a:256), demikian Shahnon Ahmad menginginkan sesuatu yang ideal, yang sempurna, lengkap (syumul) dalam kehidupan manusia. Akan tetapi, keinginan ini kian bercanggah dengan realiti yang dihadapinya. Dalam banyak-banyak realiti yang beliau hadapi realiti politik dan kepimpinan nampaknya mendapat perhatian besar; realiti yang amat menyeksakan dirinya. Realiti politik yang dikotorkan oleh sikap manusia yang mementingkan *glory* dan *power*.

Menerusi pendapat yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa watak dalam novel *Patriarch* adalah seorang pemimpin yang beragama Islam. Walau sehebat mana pun pemimpin berkenaan, soal agama mestilah didahulukan agar pemerintahan yang dijalankan itu tidak lari daripada cara yang benar yang mengikut undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, pemimpin telah membelakangkan agama dan keadaan politik sebenar demi kemuliaan, keagungan, dan kekuasaan. Melihat contoh berdasarkan negara Malaysia, ketua pemimpin merupakan seorang yang beragama Islam. Justeru, pimpinan mereka mestilah mengikut undang-undang Islam tanpa mengetepikan hak-hak mereka yang bukan Islam.

Hal ini bersesuaian dengan prinsip pertama dalam teori Konseptual Kata Kunci yang berkaitan dengan prinsip kepengaruhan. Ini membuktikan tentang kepengaruhan pengarang yang berkaitan dengan latar belakang keagamaan. Shahnon Ahmad terlibat dengan cara hidup Islam dalam al-Arqam. Jiwaninya yang idealis melihat terlalu banyak kepincangan dalam masyarakat Melayu Islam yang dirasakannya berpunca daripada kelemahan politik parti pemerintah. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa beliau memandang rendah terhadap pemimpin yang membelakangkan soal agama dalam kehidupan. Shahnon Ahmad juga merupakan insan yang mempunyai pegangan agama yang utuh. Sebagai anak kampung yang dilahirkan dan dibesarkan dalam negeri yang didominasi kebudayaan Melayu dan Islam, Shahnon Ahmad begitu menjunjung tinggi nilai keislaman dalam kehidupannya malah melukiskan perjuangannya itu melalui mata penanya yang berlandaskan lunas-lunas keislaman. Hal ini mempengaruhi Shahnon Ahmad yang dalam menghasilkan novelnya yang memaparkan pemimpin yang tidak berpegang teguh dengan ajaran Islam dalam konteks pimpinan yang dijalankan.

Secara rumusnya, mengikut Roslan Chin (2010:169), secara tersiratnya, pemimpin yang telah rosak akidah dan akhlaknya serta sering melakukan kemungkaran dan segala bentuk amalan yang menyeleweng akan mendatangkan masalah kepada masyarakat dan negara jika dibiarkan terus memimpin. Kesannya umpama penyakit yang merebak. Masalah yang akan berlaku ialah penyebaran penyakit rohani dalam masyarakat seperti masalah gejala sosial yang semakin menjadi-jadi dalam kalangan masyarakat termasuklah sifat gila kuasa, tamak, budaya memfitnah, dengki, gila harta, rogol, sumbang mahram, minum arak, pelacuran dan sebagainya. Berdasarkan kenyataan ini, budaya negatif ini akan berlaku dalam kalangan masyarakat dan ini difokuskan kepada pemimpin sekiranya membelakangkan agama dalam pentadbiran.

PEMIMPIN YANG KEJAM DALAM PEMERINTAHAN

Apabila menyebut perkataan pemimpin, sudah pasti sesiapa pun akan membayangkan gambaran individu yang berkaliber dan memiliki keperibadian yang mulia. Walau bagaimanapun, sesiapa pun tidak akan mengetahui niat sebenar di sebalik pimpinan mereka. Ada pemimpin yang bersikap positif

dan ada juga yang bersikap negatif. Pemimpin yang bersifat kejam akan menyebabkan rakyat menderita walaupun bukan dari segi fizikal. Rakyat memilih pemimpin supaya mereka boleh menjaga kebajikan rakyat kerana berdasarkan pemilihan itu, rakyat telah menaruh sepenuh kepercayaan kepada pemimpin tersebut. Justeru, pemimpin harus mengambil peluang yang diberikan ini untuk berbakti kepada rakyat dengan memenuhi keinginan rakyat bersesuaian dengan keadaan.

Gambaran pemimpin yang kejam akan menjadikan rakyat merasa marah dengan kekejaman tersebut. Bagaimana perasaan rakyat jika kekejaman berlaku dalam pemerintahan yang dilakukan. Sebagai rakyat yang berada di bawah pimpinan pemimpin, mereka harus mematuhi perintah pemimpin tersebut selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan undang-undang negara. Walau bagaimanapun, perintah itu tidak harus dipatuhi sekiranya bertentangan dengan aspek-aspek tersebut. Itulah pemikiran yang cuba diketengahkan oleh pengarang Shahnnon Ahmad dengan menggambarkan pemimpin yang kejam dengan membuat perkara yang tidak sepatutnya sekiranya perintah mereka tidak dipatuhi seperti menangkap dan memukul. Setiap masalah boleh diselesaikan dengan cara rundingan dan bukannya dengan cara yang kejam.

...Dia boleh perintah apa saja yang terkeluar dari mulutnya. Atau pun boleh jadi PM sendiri hulu lubang keramatnya dan dia perintah aku memasuki lubang keramatnya. Setiap perintah dari PM wajib dipatuhi kerana kalau tidak, akan ditangkap, digari, ditumbuk sampai bengkak-bengkak...

(Shahnnon Ahmad 1999:64)

Hal ini boleh menimbulkan kemudaratan seperti kecederaan dan kematian. Perkara ini juga boleh mendatangkan masalah di kemudian hari. Pemimpin politik boleh mengeluarkan perintah kepada pengikut-pengikutnya tetapi mesti bersesuaian dan tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang. Jika sampai memukul dan mencederakan apabila perintah tidak dituruti, boleh menimbulkan banyak masalah dan ini boleh disabitkan dengan undang-undang. Seperti yang sedia maklum, rakyat mahukan pemimpin yang mempunyai sifat yang baik dan bukannya bersifat kejam sedemikian.

Isu kekejaman tidak seharusnya berlaku dalam aspek pemerintahan negara. Pimpinan yang berlandaskan kekejaman akan menyebabkan rakyat menderita kerana rakyatlah kelompok terdekat yang akan terkena tempasnya kesan daripada kekejaman

yang dilakukan. Begitu juga yang diperlihatkan oleh Shahnnon Ahmad dalam novel *Patriarch* yang menggambarkan seorang pemimpin yang kejam dengan tindakannya yang dilakukan tanpa melakukan rundingan yang sewajarnya.

...Dia kejam dan tak adil. Dia kaya dan banyak membolot harta benda untuk dirinya dan untuk keluarganya saja. Dia kejam kerana selalu perintah orangnya menangkap orang lain dan dikurung lama-lama tanpa punca apa-apa. Boleh dikatakan setiap balai dan ruang gebang dalam daerah setinggian yang hancing dan berbau tengik itu bercakap tak ada yang lain selain hal Patriarch inilah...

(Shahnnon Ahmad 1995:109)

Rakyat sendiri yang menyatakan tentang kekejaman yang dilakukan oleh Patriarch. Apakah yang digambarkan oleh seseorang apabila pemimpin menangkap seseorang yang tidak bersalah tanpa sebab yang munasabah? Hal ini boleh menimbulkan kemusykilan rakyat di bawah pimpinannya. Rakyat boleh membuat andaian yang tersendiri terhadap pemimpin yang sebegini. Tindakan yang dilakukan itu berkemungkinan untuk menutup kesalahan yang dilakukan tanpa memikirkan itu merupakan satu kekejaman yang tidak sepatutnya ada pada diri seseorang pemimpin. Menurut Zulkefle Dollah (2007b:267), sebagai seorang sasterawan dan pengarang besar, Shahnnon Ahmad bersikap adil terhadap imajinasinya. Shahnnon Ahmad memberikan ruang kepada pembaca untuk turut menghukum pemimpin yang kejam dan zalim melalui 'mimpi ngeri' yang terpaksa dihadapi oleh pemimpin yang terlalu banyak berdosa kepada rakyat.

Pemikiran politik yang diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad dalam novel yang dihasilkannya ini mencerminkan kepada pembaca sikap seorang pemimpin negara. Pemimpin yang kejam dan zalim ini harus mendapat hukuman yang setimpal. Pembaca sendiri sedia maklum mengenai penulisan novel *Shit* yang dikarang oleh Shahnnon Ahmad berkait rapat dengan fenomena politik negara Malaysia. Hal ini perlulah diberi perhatian yang jelas oleh pemimpin negara agar perkara-perkara yang berunsur negatif tidak berlaku dalam sistem pemerintahan di Malaysia.

Melalui teori Konseptual Kata Kunci yang dikemukakan oleh Mohammad Mokhtar Hassan (2005), prinsip kedua iaitu pemilihan kata dalam teori ini menunjukkan tentang kekejaman dalam politik berdasarkan novel yang dikaji. Pemilihan kata seperti 'perintah', 'wajib', 'dipatuhi', 'ditangkap', 'digari', 'ditumbuk', 'kejam', 'tak adil', dan 'dikurung' oleh pengarang menunjukkan bahawa

gambaran kekejaman terlihat dalam pemerintahan yang dijalankan. Kata kunci yang digunakan ini bersesuaian dengan pemikiran tentang kekejaman seseorang pemimpin dalam kepimpinannya. Kata-kata itu sendiri menggambarkan tentang kekejaman melalui sikap pemimpin yang melakukan mengikut katanya sahaja tanpa memikirkan orang lain.

PEMIMPIN YANG MEMUNGKIRI JANJI

Janji merupakan suatu keadaan yang boleh ditafsirkan dekat dengan seorang pemimpin. Bagi pemimpin sesebuah negara, mereka akan melakukan pelbagai perkara bagi menambat hati rakyat termasuk menaburi janji. Janji yang dilafazkan itu akan dituntut oleh rakyat sebagai suatu yang boleh mengubah kehidupan mereka agar mendapat kesenangan yang sewajarnya seperti yang telah dijanjikan oleh pemimpin mereka. Bagi pemimpin yang memungkiri janji, keadaan ini amat ditentang oleh rakyat kerana ini akan menyusahkan kehidupan mereka. Rakyat memilih seseorang pemimpin agar boleh mengubah kehidupan mereka dengan dasar-dasar yang dilaksanakan. Pemimpin pula menaburi janji dan janji itu bukan sekadar janji dan mestilah ditunaikan dengan cara yang betul.

Rakyat akan merasa ditipu sekiranya janji yang telah ditaburi tidak ditunaikan oleh pemimpin mereka. Mereka akan merasa marah dan pelbagai kejadian yang berlaku dalam masyarakat yang tidak diketahui oleh pemimpin berkenaan. Melalui novel *Patriarch*, terdapat rentetan peristiwa yang berlaku dalam novel yang dihasilkan ini iaitu peristiwa ketika rakyat menyokong pemerintahan Patriarch kerana janjinya dan ketika rakyat menentang perjuangan Patriarch kerana memungkiri janji. Melalui peristiwa-peristiwa ini, kesemuanya berkaitan dengan janji yang dilakukan oleh Patriarch bagi mendapat perhatian dan sokongan rakyat. Pemikiran inilah yang ingin diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad dalam novel yang dihasilkannya.

Pemimpin harus mempunyai visi yang tinggi lebih-lebih lagi apabila menjelang abad ke-21, zaman kian lebih mencabar yang memerlukan suatu penelitian yang rapi, bukan sekadar beromong kosong semata-mata atau hanya dengan semangat yang meluap-luap...

(Baharudin Ali Masrom 1989: 54)

Justeru, pemimpin itu harus tahu menunaikan janji yang telah diperkatakan kepada rakyat dan bukan sekadar hanya bercakap kosong semata-mata dalam keadaan negara yang kian menjelang kegemilangannya kerana ini akan menyebabkan

negara terus mundur dengan sikap pemimpin yang sedemikian. Hal ini dilihat berdasarkan petikan novel di bawah yang menunjukkan janji yang dilakukan tetapi akhirnya tidak ditunaikan.

Rentetan janji seorang pemimpin yang bernama Patriarch:

1. Keadaan ketika rakyat menyokong pemerintahan Patriarch kerana janjinya –
... Jasadiah akan tegak sebagai Jasadiah yang baru, sebagai Jasadiah yang telah berubah mengikut jejak langkah Muhammad dan sebagai seorang pemimpin yang dikehendaki oleh rakyat. Janji akan ditepati kerana kalau tidak ditepati, dia akan dilaknat. Dosa yang penuh akan menyimpannya. Keadilan mesti menjadi teras tindakannya. Kebenaran akal ditegakkan tanpa segan silu dan tolak ansur...

(Shahnnon Ahmad 1995: 181-182)

...Saya tidak akan menuntut apa-apa daripada rakyat/ rakyat tidak perlu berkorban untuk saya kerana tugas saya hanya memberi kesejahteraan kepada rakyat. Pengorbanan itu juga adalah hak saya untuk dicurahkan kepada rakyat. Saya tidak mahu apa-apa. Langsung saya tidak mahu apa-apa daripada negara dan daripada rakyat. Saya adalah hak negara. Saya adalah hak bangsa. Saya adalah hak rakyat...

(Shahnnon Ahmad 1995: 182)

2. Keadaan ketika rakyat menentang perjuangan Patriarch kerana memungkiri janjinya.
...Tak puaskah mereka mengisi tembolok sendiri? Sampai bila boleh dapat kepuasan itu? Lain jangan. Jangan datang lagi ke rumah Pak Hamad ini. Jangan. Jangan datang membawa janji. Jangan datang membawa senyuman itu. Janji dan senyuman itu hanya pura-pura dan palsu saja selama ini. Mana bajanya? Mana benihnya? Mana airnya? Mana?...

(Shahnnon Ahmad 1995: 123)

Berdasarkan daripada petikan di atas, Patriarch merupakan seorang pemimpin yang dipilih ramai rakyat bagi mengadakan satu reformasi bagi mengubah kehidupan mereka. Patriarch merupakan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan menabur pelbagai janji bahawa hidup dan matinya kerana rakyat pada permulaan pemilihannya sebagai ketua dalam tampuk pemerintahan negara. Patriarch menunjukkan keikhlasan hatinya untuk berbakti dan berkhidmat untuk rakyat bawahannya supaya rakyat sama-sama merasai kesenangan negara dan bukannya untuk dirinya sahaja. Janji yang ditaburi oleh Patriarch bersama linangan air matanya disaksikan oleh rakyat dengan mendapat liputan yang meluas. Janji inilah yang dipegang oleh rakyat kerana mereka mengharapkan kehidupan yang lebih baik dalam pemerintahan baru yang boleh memberi sinar dalam kehidupan mereka.

...Kegelapan yang wujud di sekelilingnya itu bagaikan merancakkan lagi janji-janjinya kepada rakyat yang banyak. Dan rakyat memang berhimpun beribu dan berjuta untuk mendengar pidato dan janji pemimpin mereka itu. Jasariah menangis teresak-esak kerana amat terharu dengan reaksi yang dicurahkan oleh rakyat yang berhimpitan dan berebutan hendak melihat wajahnya.

(Shahnon Ahmad 1995: 182)

Walau bagaimanapun, Patriarch akhirnya memungkiri janji dengan melaksanakan pemerintahan mengikut hati dan kehendaknya dengan melupakan janji-janji yang telah dibuat bersama ribuan dan jutaan rakyat pada awal pemerintahannya. Akibat daripada janji yang dimungkiri itu, Patriarch mendapat kemarahan, sumpahan, dan umpat keji rakyat dari pelbagai keadaan sehingga bersoraknya rakyat ketika mendengar kematian Patriarch kesan daripada janji yang telah dimungkiri.

Oleh itu, pemimpin memainkan peranan penting dalam meletakkan kedudukan sesebuah institusi politik. Di Malaysia, pemimpin ini dipilih sendiri oleh rakyat jelata. Pemilihan ini dilakukan berdasarkan sikap yang dipaparkan oleh golongan pemerintah itu sendiri. Hal ini tidak mengira bangsa, agama, dan negara kerana setiap apa jua perkara yang dilakukan, mereka mahukan sesuatu yang terbaik. Rakyat mahukan keamanan dan kesejahteraan di bawah pimpinan pemimpin yang dipilih oleh mereka. Kebiasaannya, pemimpin akan memaparkan sikap yang positif semasa proses pemilihan dilakukan bagi mendapat kepercayaan rakyat dan mereka dipilih sebagai pemimpin negara. Pemimpin akan melakukan apa sahaja asalkan diri mereka mendapat tempat di hati rakyat dan perkara ini perlulah di ambil perhatian agar tindakan yang dilakukan itu tidak terpesong dari landasan yang sebenar.

Justeru, sebagai seorang pemimpin, mereka haruslah menunjukkan sikap yang positif dengan memaparkan nilai-nilai murni bagi menjadi seorang pemimpin yang berwibawa dan disanjung oleh rakyat. Kepimpinan yang positif akan menjadikan rakyat sentiasa berada dalam kesejahteraan dan keamanan. Manakala, kepimpinan negatif yang ditunjukkan oleh pemimpin menyebabkan rakyat menjadi mangsa di atas kerakusan pemimpin itu sendiri yang hanya mementingkan diri tanpa menghiraukan rakyat di bawah pimpinannya. Oleh itu, pemikiran tentang pemimpin dan kepimpinan ini memainkan peranan penting dalam politik yang cuba disampaikan oleh Shahnon Ahmad dalam novel yang dihasilkannya kepada khalayak pembaca.

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan, hal ini juga berkaitan dengan prinsip kesan iaitu prinsip ketiga dalam teori Konseptual Kata Kunci. Hal ini adalah kerana, perbincangan berkenaan pemikiran tentang pemimpin yang memungkiri janji ini dapat memberi teladan kepada khalayak pembaca yang bergelar pemimpin. Hal ini juga bersesuaian dalam menyampaikan mesej kepada pemimpin agar tidak memungkiri janji dalam pemerintahan yang dijalankan kerana akhirnya akan dibenci oleh rakyat dan golongan bawahan yang lain. Janji yang diberikan itu bagai memberi harapan kepada masyarakat yang memerlukan perkara terbaik dalam kehidupan sebagaimana yang telah dijanjikan. Justeru, pemikiran tentang pemimpin dan kepimpinan ini bersesuaian dengan teori yang digunakan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penerapan teori Konseptual Kata Kunci ini menguatkan lagi analisis yang dijalankan.

KESIMPULAN

Kekuatan Shanon Ahmad dalam penulisannya terletak pada kepintaran beliau mentransformasikan sesuatu perkara ke dalam bentuk karya kreatif terutamanya perihal politik dan masyarakat sekitarnya. Hal ini secara nyata membuktikan bahawa beliau merupakan seorang sasterawan yang mempunyai ciri-ciri unggul dalam menghuraikan sesuatu topik yang dibincangkan. Keunggulan inilah mencetus beliau menghasilkan karya yang bermutu untuk dimanfaatkan oleh masyarakat dengan menterjemahkan sendiri pengalamannya yang pernah melibatkan diri dalam politik tanah air. Karya yang dihasilkan oleh beliau juga mempunyai makna tertentu kepada masyarakat terutamanya golongan pemimpin. Hal ini dilihat berdasarkan novel beliau yang membincangkan tentang pemikiran politik serta kesan buruk yang dialami oleh masyarakat atau rakyat akibat daripada sikap buruk yang ditunjukkan oleh pemimpin dalam pemerintahannya.

Shit merupakan karya yang memaparkan tentang pemimpin induk yang keras kepala dengan bersikap gila kuasa apabila tidak mahu turun daripada tampuk pemerintahan tertinggi walaupun sudah lama berkhidmat dan telah lanjut usia. Novel ini turut menggambarkan perihal golongan pemimpin bawahan yang hanya tahu menurut sahaja demi mendapat kesenangan sendiri. *Patriarch* pula mencerminkan tentang pemimpin yang suka bermuka-muka dan memungkiri janji yang ditabur kepada rakyat menyebabkan rakyat merasa marah

dengan sikap berkenaan dan meluahkan kemarahan tersebut diluahkan dengan pelbagai perasaan. Kajian yang dijalankan ini dikuatkan lagi dengan penggunaan teori Konseptual Kata Kunci yang mengemukakan tiga prinsip iaitu kepengaruhan, pemilihan kata, dan kesan. Kesemua prinsip ini diterapkan ke dalam analisis yang dijalankan bagi menguatkan dan mengukuhkan pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. 2006. *Ikhtisar Teori dan Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- Abdul Halim Ali et al., sunt. 2012. *Prosiding: Seminar Teori dan Kritikan Sastera Malaysia*.
- Ahmad Suhelmi. 1999. *Pemikiran Politik Barat: Kajian Sejarah Perkembangan Pemikiran Negara, Masyarakat dan Kekuasaan*. Jakarta: Darul Falah.
- Baharudin Ali Masrom. 1989. *Politik Melayu Abad 21*. Kuala Lumpur: 'D' ENTERPRISE.
- Faisal Bin Haji Othman. 1991. Islam dan pembangunan masyarakat Malaysia. Dlm. *Islam: Cabaran dan Isu Semasa*, disunting oleh Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar, 118-138. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. 2005. *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jeniri Amir. 2010. Ranjau Politik Sepanjang Jalan dalam Novel Shahnon Ahmad. Siti Hajar Che Man (ed.). *Resah Manusia Desa dan Kota: Sebuah Festschrift untuk Shahnon Ahmad*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. Hlm. 81-108.
- K. Ramanathan Kalimuthu. 1987. *Asas Sains Politik*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2005. *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Jamil Mukmin. 1992. *Sejarah Perkembangan Islam. Kuala Lumpur*: Nurin Enterprise.
- Mohd Nakhaie Ahmad. 1998. *Di Bawah Naungan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Muamalat Islam Malaysia.
- Roslan Chin. 2010. Kematian dalam *Shit*: Satu Peringatan oleh Shahnon Ahmad. Dlm. Siti Hajar Che Man (ed.). *Resah Manusia Desa dan Kota: Sebuah Festschrift untuk Shahnon Ahmad*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. Hlm. 157-178.
- S. Ahmad Hussein et al., sunt. 1993. *Politik dan Kerajaan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1995. *Patriarch*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1999. *Shit*. Kelantan: PUSTAKA REKA.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2008. *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara.
- Talib Samat. 2010. *Naratologi Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Y. Mansoor Merican, sunt. 1982. *Dasar Ilmu Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkefle Dolah. 2007a. *Sutan Baginda Menepati Teori Sastera Islam*. Dlm. *Shahnon Ahmad: Dalam Esei dan Kritikan*, disunting oleh Hamzah Hamdani & Zeti Aktar Jaffar, 255-263. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkefle Dolah. 2007b. *Patriarch: Mencari Kepimpinan yang Ideal*. Dlm. *Shahnon Ahmad: Dalam Esei dan Kritikan*, disunting oleh Hamzah Hamdani & Zeti Aktar Jaffar, 264-274. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arba'ie Bin Sujud, Ph.D.

Pensyarah

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor

MALAYSIA.

E-mail: arbaie@upm.edu.my

Salihahs Binti Razak

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor

MALAYSIA.

E-mail: salpisces@yahoo.com

Siti Rabiatal Adawiah Binti Jaffar

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor

MALAYSIA.

E-mail: sitirabiataladawiah@gmail.com